

BAB 4

RASA KAGUM DAN BERAHI DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH ZAHARAH NAWAWI

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menyentuh tentang nikmat estetik yang terdapat di dalam novel-novel Zaharah Nawawi iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga*, *Selamat Datang Adzie Farahah* dan *Panglima Salleh Selempang Merah*, Terdapat sembilan rasa yang wujud di dalam sesebuah karya iaitu rasa wira, lucu, kagum, tenang, dahsyat, benci, duka, perang dan berahi seperti yang dinyatakan oleh Bharata. Manakala di dalam bab ini pengkaji hanya memfokuskan kepada dua rasa sahaja dan tiga lagi rasa iaitu rasa duka, benci dan perang akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Sebelum analisis novel-novel Zaharah Nawawi terhadap teori rasa-fenomenologi, ada baiknya diperturunkan sinopsis ketiga-tiga novel yang menjadi bahan kajian ini, iaitu *SBMB*, *SDAF* dan *PSSM*.

³⁰ Asri Affendi, 1988. "Wanita Degil Sahaja Berjaya Menjadi Wartawan". *Mingguan Wanita*, 22 April, hlm. 20

Novel ini mengisahkan tentang kedegilan seorang gadis dalam usahanya memperjuangkan cita-cita dan impian hidupnya walaupun terpaksa menempuhi segala kepayahan dan rintangan hidup dalam merealisasikan hasratnya. Plot cerita ini sebenarnya berkisar tentang watak utamanya iaitu Sheirin yang digambarkan sebagai seorang gadis yang tidak pernah gentar menghadapi segala ranjau kehidupan. Ini terbukti semasa zaman kanak-kanaknya beliau telah dipaksa berhenti daripada meneruskan pelajarannya ketika di darjah empat memandangkan dia mempunyai bilangan ahli keluarga yang agak besar jumlahnya iaitu dua belas adik beradik di samping menghadapi kemelaratan hidup yang menimpa keluarganya.

Walaupun bagaimanapun dia tetap berkeras dengan pendiriannya yang mahu ke sekolah walaupun terpaksa menjual getah sekerap untuk dijadikan perbelanjaan sekolah serta yurannya. Malah setiap pagi dia akan mencabut dan merebus ubi dengan garam semata-mata untuk dijadikan bekalan makanannya ketika di sekolah memandangkan ayahnya telah cuba memberhenti persekolahannya dengan tidak memberi wang saku atau buku untuk persekolahannya. Selain itu, beliau turut dimaki hamun oleh bapanya kerana menentang hasratnya untuk menjadikan Sheirin sebagai seorang suri rumahtangga kepada anak buahnya iaitu sepupu Sheirin.

Berkat kesungguhannya akhirnya beliau berjaya dalam pelajarannya hingga ke tahap S.T.P setelah bertungkus lumus mengikuti kelas malam kerana pada waktu siangnya beliau terpaksa bekerja sebagai kerani di bandar. Beliau juga telah berjaya melanjutkan pelajarannya keluar negeri setelah mendapat kelulusan daripada pihak MARA manakala perbelanjaan separuh lagi ditanggung olehnya sendiri.

Setelah berjaya menjejakkan kakinya di bumi Tokyo untuk mencapai impiannya, sekali lagi beliau terpaksa menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan dirinya di sana. Apatah lagi bapa angkat yang diharapkan dapat membantunya cuba menjahanamkan hidupnya apabila cuba melakukan perbuatan yang tidak senonoh ke atas dirinya. Walau bagaimanapun ibu angkatnya adalah seorang yang agak baik hati dan luhur, namun dia terpaksa meninggalkan rumah tersebut agar keselamatan dari kerakusan lelaki tersebut dapat dielakkan.

Kemudian beliau telah mendapat kerja sebagai juruhebah, jurutaip dan penterjemah di Jabatan Radio Jepun Bahagian Siaran Antarabangsa (NHK) atas bantuan Encik Masdor. Akhirnya beliau berjaya menyewa sebuah bilik kecil tanpa bilik air, tandas dan dapur untuk meneruskan kehidupannya. Oleh itu beliau hanya membuang air di universiti tempatnya belajar atau di tempat kerjanya. Namun begitu, kesusahan menjelma kembali dalam hidupnya apabila beliau terpaksa menanggung kesakitan akibat dijangkit penyakit kulit lantaran tidak mandi berminggu-minggu kerana tidak sanggup mandi di tempat mandi awam dalam keadaan berbogel seperti orang lain yang mandi di situ. Apatah

lagi ketika itu cuaca di Jepun agak sejuk menyebabkan penyakit ini mudah merebak.

Suatu hari seorang pemuda Jepun yang baik hati telah membantunya yang ketika itu dia dalam keadaan pening dan hampir pitam dengan memberikan ubat serta air untuk melegakan kesakitan yang dihadapinya ketika di dewan kuliah. Akhirnya ikatan persahabatan antara dia dan Tanaka iaitu pemuda Jepun tersebut pun terjalin. Malah lagi keluarga Tanaka pun turut membantu Sheirin dengan memberikan kebenaran kepadanya untuk mandi dan membasuh di rumahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu meminta keizinan daripada mereka; memandangkan kedaifan hidup yang ditanggung oleh Sheirin yang berjauhan daripada keluarga tersayang. Malah Tanaka telah merawat dan menjaga Sheirin dengan sebaik mungkin sehingga penyakit yang dihadapi oleh Sheirin berjaya disembuhkan.

Namun perhubungan mereka mendapat tentangan dari keluarga Tanaka, apabila ibu Tanaka mengetahui hubungan anaknya dengan Sheirin. Ini disebabkan ibu Tanaka ingin mengahwinkan beliau dengan anak buahnya, iaitu sepupu Tanaka. Akhirnya beliau telah melakukan pelbagai cara untuk memisahkan Tanaka dan Sheirin agar hasratnya terlaksana dengan sebaik mungkin.

Ini menyebabkan Sheirin telah mengambil keputusan yang agak drastik, iaitu meninggalkan negara Jepun dan kembali ke tanah air untuk melupakan kekecewaannya itu.

Namun sekembalinya ke Malaysia masalah baru pula yang diterima iaitu sindiran dan tohmahan daripada masyarakat sekeliling yang memandang serong terhadap keputusannya. Lalu Sheirin mengambil keputusan untuk meneruskan semula pengajiannya memandangkan beliau merupakan tempat untuk keluarganya berpaut. Di samping, ingin mengukuhkan kedudukan dan dirinya sendiri sebelum memikul tanggungjawab yang lebih berat lagi kelak, iaitu memperbaiki kehidupan keluarganya agar tidak terus hidup dalam kemiskinan.

Di samping itu, beliau juga sebenarnya ingin berjumpa semula dengan Tanaka yang telah banyak bersusah payah menjaga dan membantunya ketika berada di Jepun. Malah Tanaka sanggup berhenti belajar di universiti untuk mencari pekerjaan agar memastikan Sheirin hidup dalam keadaan yang agak sempurna. Malah, beliau turut berminat dan telah mendalami ajaran agama Islam, di samping berharap dapat membina mahligai perkahwinan bersama orang yang dicintai iaitu Sheirin.

4.2 *Selamat Datang Adzie Farahah (SDAF)*

Adzie merupakan anak tunggal kepada sepasang suami isteri iaitu Encik Dzulkifli dan Cikgu Azah. Beliau dibesarkan dalam suasana yang agak mewah memandangkan kedua-dua ibu bapanya menyandang jawatan yang agak baik. Walaupun hidup dalam agak serba kemewahan beliau tidak sombong dan riak dengan kedudukannya, malah beliau telah mula mengorak langkah selepas mengambil peperiksaan STPM dengan menjadi wartawan bebas. Malah beliau

telah mengikuti kursus penulisan dan kewartawanan di Genting Highland anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia semata-mata untuk memperdalamkan lagi ilmunya dalam bidang yang ingin diceburinya. Selepas mendapat keputusan yang agak baik dalam STPM beliau tidak berhasrat untuk menyambung pelajarannya ke luar negara memandangkan semangat dan kesungguhannya yang membara-bara untuk menjadi seorang wartawan yang dikagumi.

Justeru bagi merealisasikan hasratnya beliau telah mula keluar dan memerhati keadaan masyarakat di sekelilingnya untuk dijadikan bahan beritanya kelak walaupun sebelum ini beliau telah kecundang kerana permohonannya untuk menjadi wartawan di akhbar *Nusantara* tidak berjaya.

Berbekalkan semangat yang jitu beliau telah keluar keliling bandar tanpa dibayar gaji oleh sesiapa, Adzie pun meneruskan perjuangannya mencari bahan akhbar yang terkini dan sensasi untuk dimuatkan dalam akhbar *Fikiran* walaupun dia telah digelar sebagai 'pemberita pengemis' dan 'pengemis ruangan'. Namun itu tidak menjadi masalah kerana yang penting bagi beliau cita-cita dan minatnya terlaksana.

Namun kekecewaan masih terus-menerus menimpa terhadap dirinya lantaran sikap para pekerja di tempat kerjanya yang suka menyakitkan hatinya dengan kata-kata yang pedih. Ini disebabkan beliau adalah dari golongan yang agak berada jadi kerja yang disandang itu wajarlah diberikan kepada orang yang lebih memerlukannya. Selain itu, beliau juga sungguh kecewa dengan layanan yang diberikan oleh ketua editor yang kurang memberikan kerjasama

dengannya malah beliau sering dipermainkan oleh mereka. Ini jelas terbukti apabila beliau diberikan tugas untuk membuat liputan akhbar tentang projek-projek yang terbengkalai di bandar oleh pemaju bumiputera. Akhirnya beliau telah dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan untuk menjawab segala tuduhan dari pemaju tersebut serta surat saman dari pihak guamannya tanpa dibantu oleh pihak yang sepatutnya bertanggungjawab.

Namun begitu Adzie masih tidak goyah dengan segala halangan dan rintangan yang boleh membantutkan hasrat murninya untuk berjaya dalam bidang yang selama ini diagung-agungkannya. Akhirnya beliau telah mengambil cuti tanpa gaji selama tiga tahun apabila ditawarkan menyambung pelajarannya di Institut Teknologi Mara dalam jurusan Sebaran Am.

Justeru, beliau mula mengorak langkah dengan memajukan dirinya serta menambahkan lagi pengalaman yang sedia ada setelah bergelumang dengan dunia kewartawanan selama dua tahun agar teman-teman sekerjanya memandang tinggi kepadanya serta memperakui kebolehannya yang sebenar kerana beliau tidak mahu dikatakan mendapat gaji yang lumayan dengan cara yang tidak baik atau mempergunakan kecantikan yang ada pada dirinya.

Akhirnya beliau telah berjaya menamatkan pelajarannya dengan jayanya dan mula bertugas kembali di tempat kerjanya dahulu. Rakan sejawatnya telah dapat menerima beliau tetapi ketua-ketua editor masih mencemburuinya, terutamanya Encik Zainal yang seboleh-boleh ingin menyingkir beliau dari bekerja di akhbar *Fikiran*. Maka banyaklah perkara-perkara yang tidak

berkenan di hati Adzie sering dilakukan ditambah dengan kelancangan mulutnya yang sering menghiris hati Adzie.

Lantaran itu, Adzie secara senyap-senyap telah memohon kerja di tempat lain iaitu di akhbar *Nusantara*. Permohonan Adzie telah membuahkan kejayaan apabila ditawarkan bekerja di *Nusantara*. Malah perkara ini telah dipersetujui oleh Encik Razak ketua Adzie di akhbar *Fikiran* setelah berbincang dengan Encik Kamal bakal ketua baru Adzie di *Nusantara*. Ini disebabkan Encik Razak tahu akan nasib malang yang selalu diterima oleh Adzie dari mula membina tapak di pejabatnya hinggalah selesai melanjutkan pelajaran dan bertugas kembali. Walau bagaimanapun beliau sering dilempar dengan pelbagai hinaan dan kutukan oleh orang-orang yang iri hati atas kejayaannya.

Malah Encik Razak tidak mahu menghancurkan kerjaya yang diagung-agungkan oleh Adzie ini. Maka beliau berfikir adalah lebih baiknya jika dia bertukar dan menambahkan lagi pengalaman di tempat kerja barunya kelak serta mampu menjadi seorang wanita yang berjaya dalam kerjayanya kelak. Maka akhirnya Adzie disambut dengan begitu mesra oleh Encik Kamal serta mengalu-ngalu kedatangannya dengan mengucapkan "Selamat Datang Adzie Farahah."

4.3 *Panglima Salleh Selempang Merah (PSSM)*

Novel ini merupakan novel sejarah pertama Zaharah Nawawi yang menyentuh tentang kehebatan dan kepimpinan tokoh yang berwibawa, iaitu

Panglima, Cikgu atau Kiai Salleh bagi mengatasi pergolakan yang berlaku di Batu Pahat, Johor. Pergolakan ini berlaku adalah disebabkan pihak Bintang Tiga ingin merampas kuasa dari tangan Jepun yang ketika itu memerintah Tanah Melayu. Lantaran daripada pergolakan ini maka bangsa Melayu yang tersepit di tengah-tengah kerana kedua-dua kuasa tersebut inginkan kesetiaan dan bantuan daripada mereka.

Disebabkan kesedaran yang tinggi oleh Panglima Salleh ini, maka bangsa Melayu telah mula mengorak langkah untuk mempertahankan kedaulatan bangsa dan tanah air mereka daripada terus dibelenggu oleh penjajah yang gilakan kuasa. Walaupun ada di antara bangsa ini yang menjadi ahli Bintang Tiga seperti Panglima Salleh tetapi itu hanyalah untuk mengaburi mata pengganas, agar strategi mereka untuk menyerang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini boleh dikatakan ketika itu bangsa Melayu diibaratkan sebagai gunting dalam lipatan semata-mata untuk mengelakkan diri dan keluarga mereka menjadi habuan keganasan komunis yang tidak berhati perut.

Walaupun bagaimanapun, ada juga segelintir masyarakat Melayu yang lupa daratan kerana tamak dan kelabu mata dengan tawaran yang diberikan oleh komunis seperti kuasa memungut cukai, makanan dan sebagainya. Sebagai habuan dan gantinya mereka akan menjadi pengintip atau mata-mata komunis untuk memberikan maklumat jika ada bangsa Melayu yang mengkhianati dan ingkar dengan arahan komunis atau tidak memberikan kesetiaan kepada pengganas tersebut.

Maka dengan ini ramailah rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa keganasan tersebut apabila ada di antara rumah mereka yang dibakar, ada ahli keluarga yang dibunuh, menjadi mangsa penindasan apabila harta mereka dirampas serta dikenakan pelbagai jenis cukai termasuklah cukai hendak bernikah.

Akhirnya beliau mula menyusun strategi bersama-sama rakan seperjuangannya yang lain untuk memulihkan semula semangat kaumnya yang asyik berserah dan menunggu sahaja tanpa mahu mengubah nasib mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, beliau telah berjaya mendapat sokongan dan kepercayaan daripada bangsanya sendiri yang sudah mula sedar tentang perlunya semangat dan daya juang yang tinggi untuk membentaras keganasan yang semakin berleluasa di tempat mereka.

Maka serangan demi serangan dilakukan terhadap pihak pengganas dan kejayaan demi kejayaan ditempa oleh pasukan Panglima Salleh. Akhirnya pihak pengganas mula goyah dan mulalah hendak berdamai dengan cara yang terbaik setelah pihak Jepun diisytiharkan berundur dari Tanah Melayu. Maka termeterailah satu perjanjian di antara kedua belah pihak iaitu antara pihak komunis dengan Panglima Salleh yang mewakili penduduk di daerah Batu Pahat. Melalui perjanjian itu kedua-dua belah pihak akan menghormati dan tidak melakukan atau menimbulkan pergaduhan lagi setelah Dato' Onn Jaafar mengambil inisiatif untuk mendamaikan mereka kerana beliau ketika itu merupakan Pegawai Daerah di Batu Pahat.

Namun pihak komunis telah mengkhianati perjanjian tersebut maka Panglima Salleh serta pengikutnya pun telah melakukan serangan terhadap pihak pengganas tersebut selepas mereka merasakan pihak pengganas tersebut telah memperbodoh-bodohkan dan mengaburi mata mereka melalui perjanjian yang telah diadakan. Justeru, beliau pun dilantik sebagai penghulu di Mukim Empat di atas ketrampilan beliau di samping kebijaksanaan dan kegagahan beliau yang tidak boleh dipertikaikan. Di samping itu beliau juga amat disenangi oleh anak-anak buahnya di atas sikap yang dipamerkan. Malah kesemua serangan pengganas telah dapat dipatahkan termasuklah serangan daripada Mat Indera, komunis Melayu pun turut berjaya ditewaskan dan beliau pun mengepalai serangan untuk menentang kekejaman di 'lubuk hitam' Bakri, Muar bersama anak-anak buahnya yang mempunyai semangat juang yang tinggi.

4.4 *Rasa Kagum*

Merujuk *Kamus Dewan*, kagum membawa makna hairan dan takjub atau berasa amat sangat tertarik terhadap sesuatu objek.³¹ Walau bagaimanapun, mengikut konteks yang dinyatakan oleh Sohaimi Abdul Aziz, menyatakan korelatif objektif rasa kagum ialah situasi atau pun peristiwa yang berhubung dengan sesuatu yang luar biasa. Dalam konteks karya sastera, keluarbiasaan itu ada hubungannya dengan perwatakan tertentu.³² Justeru penderitaan yang mencengkam keperitan, yang menghiris dan kesengsaraan yang mendera,

³¹ *Kamus Dewan*, op.cit, hlm. 557

³² Sohaimi Abdul Aziz, op.cit, hlm. 142

ada manusia yang mampu memperlihatkan kemurnian hati yang tidak ternilai. Dalam keadaan manusia terdesak dan mendesak ada manusia yang istimewa. Hakikat ini menjadi salah satu asas pengarang merakam rasa kagum sebagai satu ekspresi sastera.

Manakala rasa kagum dalam Islam pula lebih kepada kekaguman tentang kebesaran dan kewujudan Tuhan. Dengan itu, apabila seseorang itu berkarya, sifat-sifat negatif akan dijauhi seperti ujub, riak dan takabur dan melaksanakan tugasnya semata-mata kerana Allah.³³

Di dalam novel-novel Zaharah ini didapati wujudnya rasa kagum sebagai ekspresi sastera terutamanya dipantulkan melalui watak dan perwatakan yang kesemuanya digambarkan melalui watak utamanya yang membentuk ke arah sifat-sifat protagonis. Sebagai misalannya di dalam novel *SBMB* watak Sheirin digambarkan sebagai seorang gadis yang cekal, tabah dan tidak gentar menghadapi pelbagai rintangan dan halangan semata-mata untuk merealisasikan cita-cita dan harapannya untuk membela nasib keluarga dan juga yang terpenting sekali ialah untuk melunaskan hasratnya untuk menjadi seorang yang berjaya dalam bidang yang ingin diceburi kelak.

Justeru, beliau sanggup dizalimi oleh ayahnya sendiri disebabkan kedegilannya yang ingin meneruskan persekolahan dan membantah keras atas hasrat ayahnya yang inginkan beliau menjadi suri rumah sepenuh masa serta duduk di ceruk dapur sahaja:

³³ Ahmad Kamal Abdullah, 1966. " Kesusasteraan Islam 'Di Malaysia : Antara Seni, Dakwah dan Tamadun'" dlm. *Dewan Sastera*, Disember, hlm. 73.

"... dia masih dapat membayangkan dengan jelas, betapa dia diminta berhenti dari sekolah yang baru didudukinya, setakat darjah 4 Sekolah Melayu, kerana kononnya anak perempuan tak payah bersekolah tinggi-tinggi, akhirnya akan kembali duduk ke ceruk dapur juga."³⁴

Bukan itu sahaja yang menyebabkan pembaca akan merasa kagum dengan watak perwatakan Sheirin, malah kekaguman ini kian terserlah apabila beliau juga sanggup menanggung pelbagai risiko ketika berada di tempat orang walaupun terpaksa hidup sebatang kara dan terpaksa bertungkus lumus melakukan pelbagai pekerjaan seperti menjadi juruhebah, jurutaip dan penterjemah di Jabatan Radio Jepun Bahagian Siaran Antarabangsa (NHK) di Tokyo bagi menampung perbelanjaan dan kehidupannya di perantauan.

Malah pengarang turut membayangkan bagaimana terpaksa hidup berdikari dan mencari rezeki dengan cara yang halal tanpa mengadaikan maruahinya walaupun bapa angkatnya pernah menggoda dan ingin melakukan perbuatan yang terkutuk ke atas dirinya. Malah beliau berjaya mempertahankan mahkota dirinya dan dapat menepis daripada kebuasan nafsu serakah bapa angkat beliau. Di samping itu, bapa angkatnya turut menyakiti hati beliau apabila mengeluarkan kata-kata yang tidak senonoh dan menyuruh beliau melihat gambar lucah agar Sheirin merasa ghairah dan tidak malu dengan beliau tentang hal-hal yang berkaitan dengan seks :

"Berapa umur Sheirin sekarang?" Tanya Haruo untuk mencari jalan memasukkian jarum maksiatnya.

"22," ringkas Sheirin menjawab.

"Ah, sudah dewasa. Dan sedang remaja. Orang-orang di sini, kalau sudah berumur dari 21 tahun, maka ia bukanlah

³⁴ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*SBMB*), hlm. 8

lagi anak-anak yang mentah. Dia sudah bebas merdeka. ... saya datang ke mari bukan untuk memuaskan nafsu."

"Kalau bukan itu, apa maksud awak?" Potong Huruo cepat.

"Untuk belajar. Untuk menambah pengetahuan ..."

"Sheirin tahu, berapa ramai pelajar yang datang dari luar negeri yang melacur di sini?" ...

Tapi orang tua yang kehausan nafsu itu, cuba juga mendapatkan sesuatu yang berharga dari gadis mentah yang begitu suci itu.

Tidak dapat dengan cara baik, dicubanya dengan cara yang biadab.

Ditunjukkannya gambar-gambar lucah pada Sheirin. Gambar-gambar bogel. Gambar-gambar yang dianggapnya mempunyai satu kesenian yang berharga."...³⁵

Jika diteliti dan dikaji plot cerita ini, sebenarnya ia seolah-olah mempunyai jalinan cerita yang saling berkaitan dengan watak Sheirin yang digambarkan di dalam novel ini dengan realiti hidup pengarang. Malah boleh dikatakan bahawa watak Sheirin ini merupakan jelmaan diri pengarang sendiri yang ingin meluahkan hasrat dan kegetiran yang dipendamkan oleh beliau terhadap sikap masyarakat sekelingnya termasuk bapanya sendiri yang terlalu memandang rendah terhadap anak-anak perempuan. Ini kerana mereka terlalu mementingkan anak lelaki dalam semua aspek termasuklah aspek pendidikan. Walaupun ada di antara anak-anak perempuan ini yang berminat dan maju dalam pelajaran tetapi diabaikan begitu sahaja sebaliknya yang berlaku kepada anak-anak lelaki yang terlalu banyak keistimewaannya.

Sebenarnya, jika dihayati novel *SBMB* ini maka akan wujud di fikiran pembaca bahawa wujudnya semangat feminis yang kuat di hati pengarang, disebabkan jalinan yang membentuk jalan cerita yang sedemikian rupa. Maka dengan sendirinya dapat dibuat andaian jika pembacanya adalah dari kaum

sejenis Zaharah maka perasaan kagum akan meluap-luap terhadap watak utama ini. Malah mereka juga mungkin ingin mempunyai semangat yang jitu seperti Sheirin yang tidak gentar dan goyah ketika menghadapi rintangan dan dugaan hidup sebelum mengecapi kejayaan hidup.

Selain itu, kekaguman pembaca akan bertambah apabila melihat kemurnian hati dan keluhuran jelas terpancar melalui watak dan perwatakan Tanaka iaitu seorang pemuda Jepun yang sanggup bersusah payah menjaga dan mengambil berat terhadap seorang gadis malang yang jauh dari kaum keluarganya. Malah beliau juga sanggup melepaskan dan putus waris dengan keluarganya yang selama ini telah menjaga dan mendidik beliau hingga berjaya ke menara gading semata-mata terlalu sayang dan cintakan Sheirin, iaitu seorang gadis yang bukan sebangsa dengannya.

Sebenarnya tindakan beliau meninggalkan keluarganya bukanlah suatu perkara yang membanggakan malah tidak harus dilakukan oleh seorang anak kepada kedua orang tuanya, tetapi kekaguman ini tersima melalui ketulusan dan keikhlasan hatinya yang membantu Sheirin walaupun tiada ikatan tali persaudaraan dengannya. Akhirnya Sheirin telah jatuh hati kepada beliau disebabkan sifat tanggungjawab yang ditunjukkan oleh beliau ketika Sheirin betul-betul dihipit kesengsaraan :

"Kali ini sungguh-sungguh Sheirin merasa bertuah, kerana Tanaka sendiri melayaninya lebih dari adik kandungnya sendiri. Tiap-tiap hari, baik pagi atau petang atau malam, bila-bila ada kesempatan, selepas pulang dari kuliah, Sheirin duduk di kerusi, di bilik sewaan Tanaka.

³⁵ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*SBMB*), hlm. 41/42

Tanaka sibuk memasak air. Menyediakan dua buah besin yang sederhana. Sebuah berisi dengan air sejuk. Sebuah dengan air panas. Dilengkapi dengan jam, tuala bersih empat helai dan ubat-ubatan.

Direndamkan kaki Sheirin ke dalam besin-besin tadi. ...

Sesudah sejam dia menghabiskan masa begitu, disapu pula kaki yang sudah mengecut terendam di air itu dengan ubat-ubat yang dibelinya di kedai-kedai ubat. Tiap-tiap hari dia membuang masa sejam, bersila di lantai, hanya untuk membelai kaki Sheirin.³⁶

Melalui novel ini perangsang imaginasi pembaca untuk merangsang imaginasi pembaca untuk menghayati kehidupan Sheirin yang hidup dalam serba-serbi kepayahan semasa mengejar sebuah kejayaan. Oleh itu, kekaguman demi kekaguman akan wujud satu persatu bagi memantapkan lagi watak protagonis ini supaya ianya boleh dijadikan sebagai idola atau pemangkin di kalangan pembaca bahawa untuk mengecapi sebuah kejayaan haruslah sedia dan sanggup menghadapi dan mengharungi segala kepayahan terlebih dahulu.

Oleh itu, watak Sheirin dan Tanaka ini adalah watak yang bersifat mulia atau protagonis. Manakala watak Haruo San pula adalah watak yang bersementaraan dengan watak putih ini. Watak beliau digambarkan oleh pengarang sebagai seorang yang terlalu daif dengan sifat-sifat yang baik dan kemuliaan hati. Ini sebenarnya adalah cara penggarapan pengarang yang ingin mempelbagai dan menghidupkan watak agar pembaca dapat disantapkan dengan proses imaginasi, maka wujudlah proses estetik intertekstual dan proses pengkronkitan estetik. Walau bagaimanapun, pengarang gagal menghasilkan watak yang bertentangan secara lebih mendalam dari segi

³⁶ *Ibid*, hlm. 64

perwatakannya, malah dari segi pemerian latar turut kurang berkesan menjadi semacam hambatan kepada proses pembentukan pengalaman estetik. Namun keikhlasan Tanaka membantu Sheirin ini secara tidak langsung dapat merangsang emosi tetap pembaca terhadap perwatakan yang berhenah tinggi itu.

Manakala di dalam novel *SDAF* pula watak utama yang memainkan peranan dalam novel ini ialah Adzie Farahah, iaitu seorang gadis yang begitu cecal dan gigih dalam menempuh dugaan sebelum bergelar seorang wartawan yang berjaya. Beliau sebenarnya adalah seorang gadis yang dalam keadaan sederhana, walaupun beliau adalah dari golongan keluarga yang agak berada.

Malah, beliau tidak sedikit pun rasa riak di hati atas kemewahan yang diperolehi. Beliau sanggup membentuk dirinya sendiri untuk menjadi insan yang berguna apabila mula mengorak langkah dengan mengambil kursus kewartawanan, menjadi pemberita sambilan dengan menggunakan duit poket sendiri ketika mencari bahan untuk dihantar ke akhbar *Fikiran* semata-mata untuk mencari pengalaman walaupun terpaksa berhujan dan berpanas serta tidak dibayar gaji sesen pun. Namun beliau berasa puas dan berusaha mencuba nasib mencari tempat di syarikat akhbar tersebut.

Kekaguman pembaca akan kian terserlah apabila segala penat dan jerih beliau terbalas setelah berjaya menjawat jawatan yang diimpikan selama ini iaitu ingin menjadi seorang wartawan. Ini kerana, walaupun telah berjaya merealisasikan hasratnya namun beliau masih tidak lekang dihujani dengan pelbagai dugaan dan masalah dari pihak atasan sehinggalah pihak bawahan

kerana cemburu dan irihati di atas pelantikan dan gaji yang diperolehi oleh beliau berbanding dengan gaji mereka. Akhirnya Adzie sering diperli dan dibuli oleh mereka melalui teknik dialog di bawah :-

"Kau sudah kaya. Emak bapak berpangkat. Rumah ada. Kereta ada. Buat apa kerja di sini? Bagilah peluang orang lain mendapat rezeki. Takkanlah orang yang sudah senang nak senang lagi...."³⁷

Namun ini masih tidak menggoyahkan dan melunturkan semangat Adzie, malah ini dijadikan sebagai satu pemangkin kepada beliau untuk membuktikan bahawa beliau memang layak menjawat jawatan tersebut berdasarkan kelulusan dan pengalaman yang diperolehi bukan disebabkan oleh pangkat dan darjat kedua orang tuannya. Selain itu pengarang cuba membangkitkan lagi rasa kekaguman di kalangan pembaca apabila watak Adzie digambarkan sebagai seorang gadis yang cekal dan tabah serta sanggup menyambung semula pengajiannya yang tertangguh dahulu di Institut Teknologi Mara di Shah Alam dalam bidang Sebaran Am bagi memantapkan lagi ilmu kewartawanannya.

Di samping itu, beliau juga sebenarnya ingin menjadi seorang wartawan yang berpendidikan tinggi dan berilmu agar dirinya tidak terus diperlekeh-lekehkan oleh rakan sekerjanya yang sering cemburukan kejayaannya terutamanya golongan *senior* di tempat kerja beliau, iaitu Encik Hashim dan Encik Zainal yang sering mengatakan beliau menggunakan kecantikan dan paras rupa semata-mata untuk memancing ketua mereka:-

³⁷ Zaharah Nawawi, *op.cit*(SDAF), hlm. 40

"Encik Radzi cuba melindungi kekasih barunya."

"Encik Radzi mempertahankan gaya penulisan gundiknya."

"Sebenarnya berita itu Encik Radzi yang menuliskannya.

Tapi dibubuh nama Adzie sebagai kail untuk memancing.

Ah, kalau sudah buaya, buaya juga."

Biarpun kutukan dan umpat keji itu ditujukan kepada Encik Radzie, namun Adzie merasa amat tersinggung. Entah bila dia menjadi kekasih, dan gundik Encik Radzi, dia pun tak tahu."³⁸

Berdasarkan teknik dialog di atas pembaca akan mendapat satu gambaran bahawa pengarang cuba mewujudkan watak Adzie sebagai seorang yang tidak mudah luntur atau goyah semangat, walaupun sering diujani dengan pelbagai hinaan. Malah beliau jadikan sebagai pemangkin atau dorongan untuk beliau berusaha lebih gigih lagi untuk membuka mata mereka semua, bahawa beliau sebenarnya memang layak memegang jawatan tersebut disebabkan pelajaran dan pengalaman yang diperolehi. Bukannya bersandarkan kepada paras rupa sahaja. Di samping itu, beliau juga ingin membuktikan bahawa tuduhan itu adalah satu pembohongan semata-mata oleh mereka yang tidak senang dengan kedudukan dan kejayaannya di akhbar *Fikiran*.

Berkat dari kewarasan fikirannya yang ingin maju ke depan walaupun ditimpa dengan pelbagai tohmahan akhirnya beliau telah mengorak langkah ke arah yang lebih positif. Beliau telah melanjutkan semula pelajarannya di Institut Teknologi Mara dalam jurusan Sebaran Am semata-mata untuk memantapkan lagi pengalamannya. Di samping itu, beliau juga ingin mempertingkatkan lagi ilmu yang sedia ada agar suatu hari nanti beliau akan menjadi seorang wartawan yang berilmu dan berpendidikan tinggi serta bijak bergaul dengan

³⁸ *Ibid*, hlm. 66

masyarakat. Setelah berjaya menamatkan pelajarannya beliau kembali bertugas semula di *Fikiran*.

Walaupun bagaimanapun, akhirnya beliau telah bertukar arah ke akhbar *Nusantara* setelah memikirkan bahawa beliau perlukan perubahan dan beliau mendapat sokongan daripada ketuanya iaitu Encik Razak. Ini kerana Encik Razak memikirkan bahawa Adzie berhak mencari pengalaman baru di akhbar *Nusantara*. Ini memandangkan Adzie merupakan seorang wartawan yang agak agresif, berkebolehan dan berjiwa besar dalam merealisasikan, tugas yang diberikan semasa bertugas di akhbar *Fikiran*. Malah beliau sanggup melakukan apa sahaja misalnya menjadi pemberita dan jurugambar sekaligus tanpa sebarang rungutan. Malangnya segala jasa dan pengorbanan beliau tidak pernah dihargai oleh rakan sekerja yang lain; ini kerana mata mereka telah dirabuni dengan sifat cemburu dan iri hati yang melampaui batas.

Iniilah sifat yang boleh membunuh kerjaya Adzie jika terus bertugas di akhbar *Fikiran*. Justeru di atas rasa perikemanusiaan dan rasa bertanggungjawab ke atas anak buahnya, maka Encik Razak tidak merasa menyesal memberi keizinan kepada Adzie bekerja di tempat lain. Malah beliau menganggap Adzie seperti sebiji permata yang belum siap digilap lagi hingga bersinar. Justeru beliau menyuruh rakannya di akhbar *Nusantara*, iaitu Encik Kamal agar dapat membimbing dan memberi sinar baru kepada Adzie yang terlalu menyayangi dan mengagungkan bidang kewartawanan ini.

Selain kagum terhadap watak Adzie, kekaguman juga terserlah melalui watak Cikgu Azah dan Encik Dzulkifli, iaitu ibu bapa kepada Adzie. Pengarang

menggambarkan kedua-dua pasangan suami isteri sebagai teman, sahabat dan ibu serta ayah kepada Adzie. Ini kerana kadangkala mereka menjadikan diri mereka sebagai sahabat ketika berbicara masalah yang dihadapi oleh Adzie. Malah beliau merupakan tulang belakang kepada Adzie ketika Adzie baru bertatih hendak menjadi wartawan. Kata-kata peniup semangat dan dorongan tidak pernah lekang dari bibir mereka walaupun pada mulanya mereka tidak suka Adzie melibatkan diri dalam dunia kewartawanan dan lebih baik lanjutkan pelajarannya seperti rakan-rakan sebayanya.

Namun akhirnya mereka memberi keizinan kepada puteri tunggal mereka ini setelah mereka mengetahui bahawa Adzie memang benar-benar ingin melunaskan impiannya untuk menjadi wartawan yang dikagumi. Sebenarnya pengarang cuba mengheret pemikiran pembaca terutamanya golongan ibu bapa supaya dapat memainkan peranan mereka sebagai pembimbing dan penasihat kepada anak-anak mereka. Apatah lagi ketika mereka ditimpa masalah seperti yang dialami oleh Adzie yang ketika itu terlalu mentah dan baru setahun jagung mencebur diri dalam bidang kewartawanan yang penuh dengan pancaroba serta spekulasi:-

"Baiklah. Jika kau mahu menjadi wartawan, atau pemberita, atau apa-apa sahaja yang seumpamanya, kau mesti menjadi wartawan yang berjaya. Ayah merestui dengan sepenuh hati." ... "Dengan syarat tidak akan melukiskan bunga-bunga kekecewaan di kanvas hatimu pada suatu hari nanti." Ibu turut mengalah di samping memberikan janji. "Dan, kau tidak akan menzalimi orang yang tidak bersalah dengan mata penamu," ...³⁹

³⁹ *Ibid*, hlm. 5

Begitulah pengorbanan dan kesetiaan kedua orang tuanya terhadap anak gadisnya yang semakin meningkat dewasa. Bagi mereka kekerasan dan kedegilan Adzie sebenarnya ada baiknya, walaupun hasrat mereka agar Adzie sambung belajar tidak dimakbulkan setakat ini; namun beliau bersyukur kerana Adzie sudah boleh membina hidup dan berdikari sendiri dalam menempuh alam pekerjaan yang diinginkan. Akhirnya Adzie sendiri telah berjaya mematangkan dirinya sendiri apabila telah biasa berhadapan dengan pelbagai karenah dan perangai masyarakat sekelilingnya iaitu insan yang bergelar manusia.

Ketulusan dan kemurnian hati suami isteri ini menambahkan lagi rasa kagum pembaca terhadap watak dan perwatakan ini apabila pengarang menggambarkan watak mereka sebagai insan yang mempunyai niat suci dan ikhlas ingin membantu kedua keluarga mereka di kampung dengan hasrat ingin menghantar mereka ke tanah suci Mekah. Walaupun sebenarnya ini bukanlah merupakan tanggungjawab mereka; namun disebabkan mereka merasakan tanggungjawab tersebut sudah terpikul di bahu mereka dan seolah-olah sudah menjadi kewajipan kepada mereka untuk melunaskannya. Malah Adzie pun turut mengakui dan kagum akan ketulusan dan keprihatinan kedua orang tuanya untuk memberi peluang kepada saudara-mara mereka untuk menunaikan impian umat Islam yang satu ini sebelum mereka menutup mata dan meninggalkan dunia yang fana ini:-

"Banyak lagi tanggungjawab emak dan ayah terhadap keluarga yang mesti ditunaikan. Emak mahu menghantar semua adik beradik emak yang seramai sepuluh orang itu, ke Mekah Begitu juga dengan ayah engkau."...

"Rezeki yang Allah berikan kepada kami bukan untuk kami semata-mata. Harta itu kepunyaan Allah. Duit itu kepunyaan Allah. Kita tidak boleh menikmatinya sendiri berseronok melancong ke sana ke mari, sedangkan saudara-mara di

kampung mengumpul setiap sen duit hasil titik keringat untuk menunaikan rukun Islam kelima."⁴⁰

Justeru dapat dikatakan bahawa ketulusan hati suami isteri ini bukan hanya kepada anaknya sahaja malah kepada saudara-maranya sekali. Malah bolehlah dikatakan bahawa mereka berdua ini sebenarnya merupakan umat Islam yang benar-benar mengamalkan cara hidup Islam yang serba-serbinya dalam keadaan sederhana tanpa ada rasa riak dan takbur walaupun dilimpahi dengan harta dan kekayaan dunia yang tidak kekal ini.

Manakala novel *PSSM* pula watak utamanya ialah Panglima Salleh itu sendiri di samping watak- watak lain. Panglima Salleh digambarkan sebagai seorang panglima, kiai atau cikgu yang begitu hebat sekali di mata masyarakat Melayu di Batu Pahat di ketika itu, walaupun sebelum ini beliau hanyalah seorang peniaga kecil-kecilan sahaja dengan menggunakan sebuah perahu di samping berniaga beliau juga ingin mencari dan menuntut ilmu-ilmu dunia dan juga akhirat.

Beliau juga digambarkan oleh pengarang sebagai seorang baik hati, jujur amanah dan suka membantu orang lain serta tidak suka mengambil kesempatan terhadap orang yang sedang ditimpa kesusahan :-

"Dia menganggu beberapa kali tanda bersetuju menyerahkan perahu bewarna hitam dan berat yang dibuat daripada kayu belian itu sebagai tukaran garam.
"Tidak." Salleh menggelengkan lemah. "Bukan layak ganti segenggam garam." Dia menolak.

⁴⁰ *Ibid*, hlm. 3

"Dalam zaman susah ini kita tidak boleh berkira sangat tentang nilai. Yang pakcik perlukan cuma garam itu sahaja. Kau ambillah perahu ini sebagai tukarannya."
"Pakcik ambillah garam ini dahulu. Yang saya perlukan mungkin setandan pisang, atau sepuluh biji telur, atau seekor ayam. Berilah bila ada nanti." Salleh menolak....⁴¹

Jika diteliti petikan dialog di atas jelas tergambar akan pemikiran pengarang yang inginkan watak Panglima Salleh mempunyai karisma dan sifat perikemanusiaan di hati Panglima Saleh yang tidak sanggup menindas golongan yang hidup serba kekurangan serta kedaifan. Apatah lagi pada ketika itu daerah Batu Pahat berada di bawah cengkaman pihak Jepun dan juga gangguan dari pihak komunis atau Bintang Tiga. Kewujudan sifat ini dalam diri Panglima Salleh ini akan membangkitkan lagi rasa kekaguman di kalangan pembaca terhadap watak yang ditonjolkan ini yang mempunyai ketulusan dan kemurniaan hati yang membentuk sifat-sifat insan yang diinginkan oleh Allah.

Selain dari sifat insaniah beliau, sifat taat dan patuh dengan ajaran Tuhan turut terserlah walaupun sibuk dengan urusan dunia namun tuntutan akhirat tidak pernah dialpakan. Malah ketika menerajui tampuk perjuangan menentang pihak komunis keimanan beliau masih kukuh. Malah anak-anak buahnya pun turut disuruh lunaskan dahulu urusan akhirat dengan mengerjakan sembahyang apabila sudah masuk waktunya sebelum ke medan peperangan melalui teknik dialog di bawah:-

"Semua sudah sembahyang subuh?! Suara Cikgu Salleh bergema dan menyegarkan.
"Sudah!!!" Suara ramai murid-murid yang sekaligus menjadi pejuangnya, kedengaran.
"Semua sudah berwuduk?"

⁴¹ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*PSSM*) , hlm. 11

"Sudah!!!"

"Siapa belum sembahyang, sembahyang dulu! Siapa belum berwuduk ambil wuduk dulu!!" dia memberi masa dan peluang kepada pejuang-pejuangnya supaya tidak meninggalkan kewajipan kepada Tuhan dan tidak melanggar suatu daripada syarat perjuangan yang di bawah pimpinannya. Cikgu Salleh sendiri berwuduk, sembahyang subuh, membaca sesuatu dan berdoa."⁴²

Sebenarnya Allah akan sentiasa membantu dan memakbulkan doa-doa yang dipohon oleh mereka agar menang dan berjaya menewaskan pihak musuh, malah para pejuang ini haruslah bersyukur kerana mempunyai seorang pemimpin yang berkaliber dan benar-benar layak memimpin mereka memandangkan ketokohan Panglima Salleh ini tidak boleh diperlekeh-lekehkan dan dipandang rendah.

Kekaguman pembaca akan kian terserlah apabila pengarang mewujudkan watak Panglima Salleh ini dilengkapi dengan pelbagai ilmu yang ada pada beliau hinggalah beliau boleh terselamat dari sebarang kecelakaan ketika berperang walaupun ketika itu beliau dihujani oleh peluru daripada pihak lawan. Beliau juga boleh menghilangkan diri atau ghaib daripada penglihatan manusia dan boleh berjalan pantas seperti sepantas kilat selain boleh mengetahui dari mana pihak lawan akan menyerang serta bijak mengatur strategi perang :-

"Sebenarnya aku tak pandai menghilang. Aku manusia biasa, bukannya wali, malaikat, jin atau iblis. Jauhkan Allah ..." Panglima Salleh memintas. "Cuma aku berjalan pantas, luar biasa pantasny."⁴³

⁴² *Ibid*, hlm. 145

⁴³ *Ibid*, hlm. 312

Melalui novel ini watak Panglima Salleh lebih banyak terserlah berbanding watak-watak lain, walaupun kita dapati watak isterinya iaitu Esah tidak kurang hebatnya kerana sering membantu Panglima Salleh menyusun strategi untuk menyerang dan bagaimana hendak mengalahkan musuh. Walau bagaimanapun rasa kagum turut terasa apabila melihat kebijaksanaan beliau dalam membuat ramalan tentang serangan daripada pihak musuh adalah benar dan tepat. Di samping itu, Esah juga adalah seorang isteri yang setia dan patuh kepada perintah suami serta pandai menguruskan rumahtangga dan mengawal keselamatan dirinya bersama anak-anaknya ketika Panglima Salleh menunaikan kewajipan membela bangsa dan tanah airnya daripada dijajah oleh bangsa asing. Contoh petikan di bawah akan menggambarkan betapa hebatnya Esah sehinggakan watak utama iaitu Panglima Salleh bergantung kepada ramalan beliau sebelum menyusun strategi ketika hendak menyerang musuh :-

"Tuhan akan menyebelahi kita. Aku akan membantu seberapa boleh dalam perjuangan itu."

"Kau Esah?" Mata Yunus membesar diasak rasa kurang percaya.

"Bukan aku sebenarnya. Tapi aku selalu mendapat mimpi. Aku boleh mendapat bantuan untuk mencari jalan memudahkan perjuangan kita menentang kezaliman. Bukan dengan makanan, ubat-ubat, senapang dan bom, tetapi ilham. Dengan izin Tuhan aku akan memberikan cara dan jalan yang paling berjaya dan selamat."⁴⁴

Di samping itu, bagi mengindahkan lagi penghayatan pembaca Zaharah juga tidak lupa menggunakan pelbagai teknik agar pembaca tidak merasa bosan selain ingin menunjukkan bahawa beliau juga mempunyai kreativiti dan gaya yang tersendiri bagi menimbulkan kesan estetik kepada para pembaca. Dari teknik dibuat satu kesimpulan bahawa teknik yang digunakan oleh

pengarang dalam ketiga-tiga buah novel ini lebih kurang sama dan agak mudah difahami. Di antara teknik yang banyak gunakan dalam ketiga-tiga novel ini ialah teknik naratif, teknik dialog, teknik imbas kembali dan teknik monolog dalaman. Contoh teknik dialog bersama dengan teknik naratif :-

"Tuhan! Dia menyeru dalam hati.

"Pandang saya sebagai anak" Sheirin meminta, bila Haruo San yang gatal itu cuba hendak menciuminya.

"Saya hormati awak sebagai seorang bapa. Kenapa pula awak tidak dapat menghormati diri awak sendiri sebagai seorang tua?" Tanya-Sheirin dengan tegas."⁴⁵

Sebenarnya melalui teknik ini dapati pengarang cuba menyatakan betapa Sheirin merasa tidak puas hati dengan tindak tanduk bapa angkatnya yang cuba ingin berlaku kurang ajar terhadap dirinya. Oleh itu, melalui teknik ini maka terpancarlah sikap dan ketegasan serta keberanian Sheirin memperbetulkan dalam mempertahankan hak dirinya daripada dicabuli oleh seorang tua yang layak digelar ayahnya sendiri.

Manakala contoh teknik dialog pula ialah:-

"Kau seharusnya mengerti sayang. Yang diharapkan oleh seorang ibu terhadap anaknya cuma satu : kebahagiaan. Di dalam kebahagiaan itu terangkum beberapa perkara iaitu kegembiraan, keselesaan, kesihatan dan kemudahan hidup. Emak tidak mahu melihat kau menjadi Jackie Kennedy kiranya hanya akan menyuguhkan kesengsaraan hidup masa depanmu.

"Barangkali, emak suka melihat Zi menjadi seorang yang sopan santun. Lemah-lembut, keluar jam tujuh setengah pagi, pulang jam lima serta mendukung gelaran 'pegawai' seperti ayah?"⁴⁶

⁴⁴ *Ibid*, hlm. 155

⁴⁵ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*SBMB*), hlm. 41

Berdasarkan dialog di atas dapat di dapati Cikgu Azah cuba menasihati anaknya Adzie agar tidak memilih bidang kewartawanan yang sering menjanjikan pelbagai masalah serta kerjaya ini begitu mencabar dan tidak sesuai bagi seorang perempuan. Apatah lagi beliau inginkan anak perempuan tunggalnya ini menjadi seorang perempuan yang sempurna dan mempunyai ciri-ciri sifat keperempuanan yang diinginkan iaitu bersopan santun, lemah lembut dan sebagainya.

Di samping itu, beliau juga mahukan Adzie menjadi seperti ayahnya yang bekerja di pejabat sahaja dan balik sentiasa tepat pada waktunya. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa penuturan dialog di atas adalah bertujuan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati Cikgu Azah terhadap anaknya yang terlalu mengimpikan pekerjaan sebagai wartawan walaupun sudah tahu kesusahan dan kepayahan yang bakal ditempuhi semata-mata ingin mendapatkan bahan untuk pihak akhbar.

Sebenarnya, teknik-teknik yang digunakan dalam ketiga-tiga buah novel ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dan ianya amat berkait rapat dengan plot cerita yang ingin disampaikan. Ini kerana pengarang tidak mahu pembaca berasa bosan di samping ingin mempelbagaikan lagi keserian di dalam penyampaian plot ini agar mesej yang ingin disampaikan akan direalisasi kelak. Justeru berdasarkan contoh-contoh teknik yang dibincangkan di atas jelas dapat di dapati bahawa setiap teknik itu memainkan peranannya yang tersendiri melalui cerita yang ingin disampaikan dan setiap teknik di dalam ketiga-tiga novel ini akan mendasari cerita tersebut melalui pemikiran dan daya kreativiti

⁴⁶ Zaharah Nawawi, *op.cit* (SDAF), hlm. 9

pengarang ketika mengolahnya agar tidak streotaip atau hambar sahaja apabila dipersembah kelak.

Jika ditinjau dari segi kaitan atau hubungannya dengan novel-novel yang dihasilkan ini dengan diri pengarang maka akan terjawablah memang benar ia merupakan hasil realiti kehidupan pengarang itu sama ada dirinya terlibat secara langsung atau tidak langsung. Sebagai misalannya plot cerita *SBMB* akan dapati diri Sheirin itu seolah-olah merupakan dari jelmaan diri pengarang itu sendiri. Malah novel tersebut kalau diteliti dengan betul ianya merupakan renjisan pengalaman hidup beliau sendiri yang kemudiannya dilakukan sedikit tokok tambah bagi menyedapkan lagi santapan para pembaca.

Apatah lagi novel ini merupakan novel pertama hasil sentuhan kreativiti beliau iaitu *SBMB*, jadi sudah tentulah beliau akan menggunakan sumber mentah dari kehidupan beliau sendiri. Ini kerana biasanya dalam menghasilkan sesebuah karya akan menggunakan bahan yang paling hampir dengan dirinya atau pun ahli keluarga beliau serta masyarakat yang berada di sekelilingnya. Ini terbukti melalui hasil sentuhan pena Shahnnon Ahmad yang banyak menggunakan dirinya, keluarganya dan masyarakat di sekelilingnya yang dijadikan bahan untuk novel, cerpen atau sebagainya. Di antara contoh novel beliau (Shahnnon) yang mengaitkan hidupnya serta orang yang berada dekat dengannya adalah seperti *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Rentong*, *Seluang Menodak Baung* dan sebagainya.

Malah novel *SDAF* turut mempunyai kaitan dengan diri beliau. Oleh itu jika ditelusuri latar belakang dan pemikiran beliau seperti di bab tiga yang telah

diterangkan oleh pengkaji akan terjawablah persoalan ini dan sememangnya beliau sendiri turut mengakui akan saling kaitan di antara novel yang ditulis ini dengan diri beliau sendiri.

Justeru dapat disimpulkan bahawa novel *SDAF* dan *SBMB* sebenarnya adalah hasil sentuhan naluri beliau di samping ingin mengajak pembaca menyelami dan memahami diri beliau sendiri yang sememangnya adalah seorang wanita yang bercita-cita tinggi dan inginkan kemajuan dalam kehidupan dan segala bidang yang ditempuhi.

Sebenarnya novel *PSSM* pula ditulis adalah untuk mengajak pembaca menghayati dan mengagumi pejuang-pejuang bangsa Melayu yang inginkan kebebasan dan kemerdekaan tanah air sendiri dari menjadi cengkaman para penjajah. Di samping itu, beliau juga mungkin ingin terapkan semangat patriotik di kalangan para muda-mudi agar cintakan dan menjaga keamanan tanahair agar sejarah hitam yang pernah menimpa tanahair kita ini tidak akan berulang lagi untuk selamanya.

Justeru dapat disimpulkan sebenarnya teknik turut memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesan kepada penghayatan pembaca kerana ia memberi ruang kepada proses estetik intertekstual dan proses pengkonkritan estetik. Maka teknik yang diketengahkan oleh pengarang mestilah utuh. Di samping itu, pengarang juga cuba membawa pembaca kepada pelbagai teknik dalam menghayati novel ini agar tidak jemu serta dapat wujudkan nilai estetik di kalangan pembaca.

Lantaran itu, pembentukan pengalaman estetik pembaca akan sempurna dan nikmat pembaca lebih terasa melalui ketiga0tiga novel yang dihidupkan berdasarkan proses pengkonkritan estetik.

4.5 *Rasa Berahi*

Merujuk *Kamus Dewan* berahi adalah kasih (cinta) yang amat sangat atau rasa suka akan seseorang (dengan bernaflu), ghairah.⁴⁷ Manakala berdasarkan teori rasa-fenomenologi pula, rasa berahi berkembang dengan dua korelatif objektif, iaitu pertemuan dan perpisahan yang digambarkan dengan keseronokan dan harapan akan berlaku pertemuan sekali lagi selepas perpisahan (perpisahan sementara). Walau bagaimanapun terdapat perbezaan antara rasa berahi dengan rasa duka. Perpisahan yang menjadi korelatif objektif rasa berahi digambarkan dengan adanya semacam menaruh harapan di mana perpisahan itu digambarkan menimbulkan nostalgia. Manakala rasa duka ialah perpisahan yang memperlihatkan merakam keadaan putus asa dan berdukacita.⁴⁸

Rasa berahi di dalam novel *SBMB* banyak digambarkan oleh pengarang melalui watak utamanya, iaitu Sheirin yang terpaksa berpisah dengan keluarga tercinta lantaran terpaksa menuruti kata hatinya yang ingin memajukan diri dalam pelajaran semata-mata ingin melunaskan impiannya yang telah lama tersulam di sanubarinya iaitu ingin menjadi seorang wartawan yang berjaya dan penuh dengan ilmu pengetahuan.

⁴⁷ *Kamus Dewan*, *op.cit*, hlm 140-141

Sebenarnya pengarang seolah-olah ingin mewujudkan perasaan simpati atau sedih di kalangan pembaca bahawa setiap insan akan merasa teramat rindu jika berjauhan dengan orang yang disayangi apatah lagi jika berada jauh daripada kaum keluarga. Maka sudah pasti kerinduan akan menjadi-jadi dan akhirnya bagi melepaskan kerinduan ini seseorang akan sering mengingati saat-saat manis atau nostalgia ketika bersama kaum keluarga kita atau pun melihat gambar sebagai penawar kerinduan.

Malah melalui pemerian latar yang digambarkan oleh pengarang terhadap gelodak perasaan yang terpaksa ditanggung oleh Sheirin turut akan merangsang pemikiran pembaca untuk membayangkan dalam sekelip mata sahaja hidup Sheirin akan berubah apabila berada di perantauan.

"Begitu pantas masa beredar, sepantas itulah perjalanan manusia. Betapa tidak ... Sheirin melayang-layangkan fikiran kembali ke kampung. Pukul enam pagi tadi, dia berada di kampungnya. Di tengah-tengah sawah yang kaya dengan buah-buahan padi menguning emas. Dikeliling sanak saudara yang berwajah suram, muram. Sayu. Kini kampungnya sudah jauh ditinggalkan."⁴⁹

Melalui pemerian latar tempat iaitu sawah di kampung halaman Sheirin, pengarang menggambarkan suasana begitu tenang, aman dan damai telah bertukar suasananya menjadi muram, suram dan sayu apabila melihat kesedihan antara Sheirin dan ahli keluarganya yang terpaksa berpisah.

⁴⁸ Sohaimi Abdul Aziz, *op.cit*, hlm 277-278

⁴⁹ Zaharah Nawawi, *op.cit* (SBMB), hlm. 30

Justeru dari perpisahan ini maka Sheirin pun sering terkenangkan kampung halamannya apatah lagi ketika beliau ditimpa kesusahan semasa berada perantauan:-

"Makan pil tadi. Makan. Jangan simpan" sambil tangannya menyuakan gelas air itu ke mulut Sheirin. Sheirin menegok. Pil itu terasa tersekat di kerongkongnya. Dadanya terasa semakin sebu. Sebu kerana pemuda kakak itu telah melayaninya seperti seorang ayah melayani anak sulong kesayangannya yang diserang sakit. Dalam keadaan hidup sebagai seorang musafir yang tercampak jauh di rantau. Jauh dari segala tempat bermanja. Jauh dari segala tempat mengadu. Maka layanan-layanan mesra dan baik seperti itu, bukan saja boleh menitiskan air mata,"⁵⁰

Berdasarkan petikan di atas didapati peristiwa ini berlaku di dewan kuliah tempat Sheirin belajar iaitu di Jepun. Latar yang ditonjolkan oleh pengarang ini sebenarnya ingin memperlihatkan betapa kerinduan dan keinginan ingin bertemu tidak hanya mengelodak di jiwa Sheirin sahaja tetapi kaum keluarganya terutama ibu beliau yang sudah tua itu turut merasa keperitan menanggung kerinduan yang teramat sangat kerana tidak sanggup berpisah dengan anak perempuan selain berasa bimbang akan keselamatan beliau ketika berada di perantauan seorang diri.

Pada hakikatnya, keluarga Sheirin kurang setuju dengan keputusan yang diambil oleh Sheirin yang ingin melanjutkan pelajarannya di Jepun tetapi akhirnya beliau terpaksa akur dengan kehendak puterinya ini yang memang benar-benar ingin mempertingkatkan kemajuan diri, apatah lagi Sheirin sebenarnya mempunyai niat yang begitu suci dan murni iaitu ingin membela

nasib keluarganya daripada terus dirundung kemiskinan. Beliau juga ingin membantu adik-adiknya agar dapat mengecapi kehidupan yang sempurna serta dilengkapi dengan ilmu pengetahuan begitu juga dengan ahli keluarganya yang lain seperti anak-anak buahnya.

Justeru tanggungjawab sebagai anak, kakak dan emak saudara inilah maka Sheirin telah membulatkan niatnya melanjutkan pelajaran walaupun akhirnya diri sendiri terpaksa menanggung keperitan akibat berjauhan dari keluarga tercinta. Begitu juga penyeksaan perasaan yang terpaksa ditanggung oleh ahli keluarganya akibat pemergian beliau yang ingin memenuhi cita-citanya itu :-

"Dan selepas dari hari pemergian Sheirin itu, hampir berbulan-bulan juga Hajah Fatimah merana. Pantang dia mendengar bunyi deru kapal terbang dilangit. Walau sedang dalam sembahyang pun ia akan berlari ke pintu. Menengadah ke atas. Menyeru nama Sheirin. Memanggil-manggil nama anaknya itu sepuas hati. Menyuruhnya turun di tengah-tengah sawahnya yang sedang kaya dengan buah-buah padi menguning emas.

Dimintanya Sheirin turun menemuinya. Mengubati rindunya walau hanya beberapa saat. Seolah-olah Sheirin tidak sampai-sampai juga lagi ke tempat yang dituju.

... Bila kapal terbang itu sudah jauh. Hilang dari mata. Hilang bunyinya dari pendengaran. Baharulah Hajah Fatimah sedar. Dan air mata pun berjurailah turun ke pipi."⁵¹

Akhirnya pengarang menggambarkan kepada pembaca bahawa penyeksaan yang dihadapi oleh kedua-dua belah pihak ini terubat jua, setelah menanggung pengazaban batin yang begitu dahsyat ekoran daripada perpisahan itu. Sekembalinya Sheirin ke tanah air maka terlerailah segala

⁵⁰ *Ibid*, hlm. 57

⁵¹ *Ibid*, hlm. 21-22

kerinduan ahli keluarga beliau terutamanya Haiah Fatimah, iaitu ibu beliau begitu menaharapkan kepulangannya. Kecembiraan ielas terpancar di kalangan ahli keluarga Sheirin ketika menyambut kepulangannya, walaupun kepulangannya penuh dengan tanda tanya kenapa dan mengapa beliau kembali semula ke pangkuan keluarganya secara mengejut dan tanpa dirancang.

"Menuniukkan rasa kehairahannya menerima kedatangan balik anak perempuannya yang selalu memberikan wang merah-merah itu. Haiah Fatimah segera menerkam Sheirin. Di peluknya, diciumnya dan ditangisinya dengan tangisan gembira anaknya yang kini sudah gempal tubuhnya dan mentel pipinya. Tidak sekurus dulu laqi. ...

Haiah Fatimah segera membuat kenduri doa selamat untuk menyambut pulangnya Sherin ke ribanya sebelum dia pergi menghadap Tuhan yang maha esa. ..."

Melalui teknik naratif di atas akan jelas tergambar tentang keadaan masyarakat yang sukar atau terlalu seksa untuk menempuhi saat-saat perisahan apatah laqi jika anak mereka adalah perempuan. Ini kerana perasaan kasih dan sayang terlalu merantai di hati mereka. Oleh sebab itu mereka tidak sanggup menghadapi situasi yang sedemikian. Malah tiada insan di dunia ini yang inginkan perisahan apatah laqi jika ianya melibatkan orang yang disayangi.

Selain dari rasa berahi yang melibatkan pertalian darah atau keluarga rasa ini turut terielma di hati setiap insan yang berqelar kekasih apabila wujudnya perisahan atau pun menaharapkan pertemuan. Di dalam novel *SBMB*, penerangan memperlihatkan rasa ini terialin di antara watak utamanya, iaitu Sheirin dengan kekasih hatinya Tanaka apabila mereka terpaksa berpisah

disebabkan terdapatnya halangan dan rintangan dari kedua orang tua Tanaka. Sebenarnya ibu Tanaka yang sama sekali tidak merestui perhubungan anaknya itu kerana beliau ingin menjodohkan Tanaka dengan anak buahnya sendiri iaitu sepupu Tanaka.

Lantaran dari kedinginan sambutan ahli keluarga Tanaka yang selama ini telah memberi layanan dan kebebasan kepada Sheirin untuk menggunakan bilik mandinya telah menyebabkan Sheirin berasa hati. Malah keparahan luka di hati Sheirin bertambah kronik apabila ibu Tanaka sering menyindir dan menghina beliau semasa Sheirin datang ke rumahnya untuk mandi dan membasuh pakaian. Semua tragedi ini berlaku selepas ibu Tanaka dapat mengesan kisah percintaan dan kemesraan yang terpupuk di kedua-dua pasangan ini.

"Pada suatu petang , bila hujan lebat turun dengan tiba-tiba, dia pergi ke station subway untuk menghantarkan payung pada adik Tanaka yang pulang dari sekolah. Dia temampak, Tanaka telah membawa Sheirin berpayung sama, dan dia melihat tangan anaknya merangkul pinggang anak gadis itu seolah-olah hendak melindunginya benar-benar dari terkena tempas hujan!

Hatinya merasa cemburu. Dia sudah menjanjikan Tanaka untuk anak saudaranya, Ryoko. Janji itu pantang nenek moyang kalau dimungkiri." ⁵³

Justeru untuk mengembalikan keceriaan keluarga Tanaka pengarang terpaksa mewujudkan watak maka Sheirin sanggup mengundur diri walaupun hatinya sudah diberikan kepada kekasih hatinya itu. Namun beliau bertekad untuk kembali semula ke tanahairnya yang tercinta bagi merawat hatinya yang

⁵² *Ibid*, hlm. 82

⁵³ *Ibid*, hlm. 69

telah terluka walaupun sebenarnya beliau tidak sampai hati hendak meninggalkan Tanaka yang telah banyak membantu dan berjasa di saat beliau hidup sebatang kara di perantauan. Walaupun sebelum watak beliau diketengahkan oleh pengarang sebagai seorang gadis yang cecal dan tabah menghadapi segala rintangan dan cabaran agar segala yang diimpikan akan menjadi kenyataan. Disamping itu secara tidak langsung pengarang seolah-olah ingin menyentuh hati para pembaca agar wujudnya rasa simpati dan sedih dengan nasib malang yang menimpa diri Sheirin.

Walaupun bagaimanapun, Sheirin kembali semula ke pangkuan Tanaka setelah beliau memikirkan pengorbanan Tanaka yang sanggup mengorbankan kebahagiaan keluarganya walaupun beliau dikatakan anak yang tidak kenang jasa. Namun beliau tetap dengan keputusannya inginkan Sheirin menjadikan Sheirin sebagai teman hidupnya, walaupun pelbagai dugaan dan halangan yang terpaksa ditempuhi untuk hidup bersama. Lantaran dari pengorbanan dan ketulusan hati Tanaka terhadap dirinya inilah yang menyebabkan akhirnya beliau terpenggil untuk kembali semula ke pangkuan kekasih hatinya ini yang telah mula berjinak-jinak dengan agama Islam.

Malah melalui teknik dialog di bawah jelas terpancar kegembiraan di kedua-dua watak ini yang terlalu mengharap agar pertemuan merela ini akan membuahkan lagi rasa cinta dan sayang yang lebih mendalam lagi. Teknik dialog ini dituturkan di stesen keretapi subway di Jepun iaitu ketika Sheirin di dalam perjalanan pulang ke rumah sewaanannya.

"Telefon no. 466-3932 berdering-dering. Tanaka yang sedang sibuk memasak untuk makan malam bingkis bangun dan mengangkat gagang.
 "Mushi-mushi" dia bersuara lemah.
 "Hello Tanaka San! Sheirin di sini".
 "Sheirin! Di mana kau?!" Tanaka menjerit gembira.
 "Saya di lapangan terbang Haneda sekarang".
 "Oh, kau dah balik?" Suara Tanaka ternyata amat segar.
 "Ya, saya kembali ke sini lagi!".
 "Untuk sama-sama memijak kampus bila penggal cuti musim bunga habis", Sheirin memotong cepat."⁵⁴

Manakala di dalam novel *SDAF* rasa berahi terhasil melalui watak utama dengan kekasih hatinya yang tidak tahan menanggung rindu dan terlalu ingin berjumpa dengannya. Jika di dalam novel *SBMB* pengarang menggambarkan rasa ini terjalin di atas rasa cinta di antara sepasang merpati sejoli, begitu juga yang digambarkan oleh pengarang di dalam novel *SDAF*. Rasa ini terbentuk melalui perkara yang sama dan akhirnya orang yang dikasihi dan dirindui telah bertemu kembali walaupun sebelum ini kedua-duanya merasa amat perit kerana terpaksa menanggung perpisahan.

Di samping itu mereka juga sering menghitung-hitung bilakah akan menjelmanya saat-saat bahagia yang selama ini dinanti-nantikan. Emosi tetap pembaca semakin dirangsang oleh pengarang apabila keperitan perpisahan ini terjadi apabila watak utamanya, iaitu Adzie Farahah yang ingin melanjutkan pelajarannya di Institut Teknologi Mara di Shah Alam dalam bidang Sebaran Am sedangkan kekasih hatinya pula sudah bekerja sebagai pegawai bank.

Lantaran kesibukan inilah yang telah memisahkan mereka buat sementara waktu kerana kedua-duanya ingin membina kerjaya dan mengejar

⁵⁴ *Ibid*, hlm. 87

impian yang diimpikan. Walau bagaimanapun, perpisahan ini sedikit sebanyak telah menyelitkan bunga-bunga kerinduan yang semakin hari semakin membara untuk bersua muka bagi melepaskan rindu yang membara di kalbu Romeo dan Juliet ini. Oleh itu, mereka akan mempergunakan masa dengan sebaik mungkin apabila mereka bertemu kerana di ketika itu masa begitu berharga bagi mereka, jadi ianya tidak akan dipersia-siakan begitu sahaja.

"Adzie." Michael yang datang menemuinya waktu makan tengahari memegang tangannya. Kerinduan jelas menyaluti seluruh wajah anak muda yang tampan itu.

... "Jangan bimbang. Kita boleh bertemu selalu. Datanglah pada waktu makan begini. Kedatanganmu menghiburkan aku." Adzie mengubah gaya percakapannya. Dia tidak lagi mencuba memberikan analisa mengenai perhubungan kemanusiaan, tapi memujuk Michael dengan kata-kata yang boleh menakutkan bahawa hatinya tidak berubah."⁵⁵

Malah melalui pemerian latar tempat dan laporan perwatakan yang digambarkan oleh pengarang melalui petikan di bawah membayangkan betapa Faisal atau Michael tidak sabar untuk menanti hari bahagianya bersama Adzie. Ini kerana beliau selama ini terpaksa berkorban masa dan kasih sayang semata-mata untuk memberi peluang kepada Adzie melunaskan impiannya yang ingin menggenggam segulung ijazah; walaupun beliau sering dibebani perasaan rindu akibat terpaksa berpisah kerana kesibukan bekerja manakala Adzie pula belajar di Shah Alam.

"Tiada sepetah suara keluar dari rengkungan Faisal. Dia hanya mengira tentang hari perkahwinannya yang tinggal sebulan cuma. Bayu nyaman berpuput perlahan melewati padang letak kereta yang luas, menggoyangkan pohon-pohon angsa di pinggiran jalan dan menggugurkan kelopak-kelopak bunga berwarna kuning yang sudah

⁵⁵ Zaharah Nawawi, *op.cit* (SDAF), hlm. 126/127

matang dan tiba masanya untuk berpisah dari kuntum-kuntum dewasa yang mulai mengeluarkan putik kecil di dalamnya.”⁵⁶

Berdasarkan persekitaran yang digambarkan oleh pengarang ini, maka dengan sendirinya pembaca akan merasakan betapa cerianya dan damainya suasana pada ketika itu ditambahkan lagi dengan gaya bahasa yang puitis iaitu, *“menggoyangkan pohon-pohon angsa di pinggiran jalan dan menggugurkan kelopak-kelopak bunga berwarna kuning yang sudah matang dan tiba masanya untuk berpisah dari kuntum-kuntum dewasa yang mulai mengeluarkan putik kecil di dalamnya.”*

Pemilihan gaya bahasa ini dilakukan oleh pengarang dengan bahasa yang bertenaga. Secara tidak langsung sentuhan pengarang ini akan merangsang imaginasi pembaca untuk menghayati kegembiraan Faisal. Selain itu, ianya seolah-olah menggambarkan bahawa pengarang ingin membahagiakan hidup Faisal di akhir plot cerita ini setelah beliau bersusah payah dan terpaksa menempuh pelbagai dugaan seperti perpisahan dengan ahli keluarganya. Malah pembaca pun turut sama merasakan tempias kegembiraan yang dialami oleh watak kedua terpenting di dalam novel ini.

Sebenarnya jika diteliti dari plot cerita ini Zaharah seperti ingin menyatakan bahawa tidak ada masalahnya perkahwinan yang melibatkan dua bangsa yang berlainan jika adanya toleransi dan persefahaman di antara kedua-dua belah pihak walaupun ibu bapa sering menjadi halangan yang terlalu sukar hendak ditempuhi seperti yang dihadapi oleh dua watak utama di dalam

⁵⁶ *Ibid*, hlm. 145

novel *SBMB* dan *SDAF* iaitu Sheirin dan Adzie dengan pasangan kekasihnya iaitu Tanaka dan juga Micheal, walaupun kedua-dua mereka ini mendapat tentangan yang hebat dari kedua-dua orang tuanya yang melarang keras apabila beliau menyampaikan hasrat untuk memeluk Islam.

Namun ketulusan dan keluhuran hati seseorang itu akhirnya akan beroleh kemenangan dan Allah sentiasa merestui umatnya yang benar-benar mempunyai keikhlasan hati untuk membimbing saudara baru menghayati dan mempelajari agama yang diredhai oleh Allah.

Jika ditinjau dari segi latar masyarakat ketika itu, didapati betapa sukarnya untuk melaksanakan sebuah perkahwinan jika pasangannya dari bangsa yang berlainan. Justeru pengarang cuba mengenengahkan isu atau persoalan tentang perkahwinan terhalang atau tidak direstui oleh kedua orang tua. Sebenarnya pengarang ingin menyampaikan mesej bahawa perkahwinan yang sedemikian ini sebenarnya tidak salah asalkan pasangan tersebut tahu tugas dan peranannya dalam merealisasikan tanggungjawab masing-masing tanpa melupakan kedua orang tua mereka.

Malah melalui teknik dialog di bawah jelas menggambarkan betapa toleransi dan persefahaman itu perlu ada dalam sesebuah hubungan atau perkahwinan walaupun dari keturunan atau bangsa yang berbeza.

"Adzie, kalau kau menjadi isteriku apakah kau sanggup menerima ayah dan ibuku sebagai mentuamu?" Suaranya lembut di muncung telefon.

"Mengapa tidak? Agama Islam tidak melarang kau pulang menemui mereka. Malah kiranya mereka meninggal dan dikebumikan dengan upacara agama Buddha pun, aku tidak

dilarang dari memberikan penghormatan terakhir kepada mereka.”

“Sungguh suci dan murni agamamu.”⁵⁷

Manakala di dalam novel *PSSM* pengarang ingin menyatakan bahawa perpisahan dan pertemuan turut jelas tergambar di dalam novel ini tetapi ianya bukanlah melibatkan pasangan bercinta tetapi pasangan yang berkahwin dan telah dikurniakan cahaya mata, namun perasaan kerinduan masih terjalin lagi bahkan kadang kala watak utama iaitu Panglima Salleh terlalu kemaruk rindu terseksa kerana terpaksa berpisah dengan keluarga dan isteri tercinta demi mencari rezeki dan memberi kesempurnaan hidup kepada mereka dengan tulang empat kerat yang dikurniakan oleh Ilahi.

“Kisah Nabi Muhammad s.a.w berhijrah untuk mencari perubahan penghidupan, sering sahaja menyelinap seperti pancaran cahaya laser ke dalam benaknya.

Salleh tersenyum. Tekad itu sudah bulat. Bulat seperti bola. Sejat seperti guli. Mantap seperti batu. Kampungnya di Air Bemban, Johor, ditinggalkan. Anak, isteri, ibu dan keluarga ditinggalkan dengan janji: “Aku akan pulang membawa segenggam rezeki yang mungkin dapat dikutip sepanjang perjalanan.”⁵⁸

Ini menyebabkan beliau sering meninggalkan isteri dan anak-anaknya sendirian dalam jangka masa yang agak lama kerana beliau menjalankan aktiviti berniaga dari satu kampung ke kampung yang lain. Di samping itu beliau juga menuntut ilmu-ilmu duniawi dan ukhrawi dengan golongan bijak dan pandai dalam bidang tersebut semasa dalam perjalanannya berniaga kerana beliau ingin memanfaatkan ilmu-ilmu tersebut untuk mempertahankan diri

⁵⁷ *Ibid*, hlm. 132/133

⁵⁸ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*PSSM*), hlm. 2

daripada sebarang serangan dan menambahkan lagi ilmu yang sudah sedia ada.

Walaupun bagaimanapun, kadang kala kerinduan tiba-tiba muncul hingga mencengkam hati dan perasaan Salleh untuk bertemu semula dengan isterinya Esah dan anaknya Yusof, jika terlalu lama tidak kembali ke pangkuan mereka. Oleh itu, jika perasaan ini menyelina dan menusuk hatinya beliau akan terus pulang berjumpa dengan keluarganya walaupun terpaksa menghadapi kesukaran dan kepayahan. Ini kerana pada ketika itu Batu Pahat berada di dalam kekuasaan pihak Jepun dan Bintang Tiga (komunis) yang saling berebut kuasa untuk memerintah kawasan tersebut, berdasarkan teknik dialog di bawah :-

"Apa yang dia mahu, dalam keadaan apa pun, biar dalam ledakan bom atau hujan peluru, dirinya mesti selamat supaya dapat kembali menatap wajah ibu yang syahdu dan wajah isterinya Esah yang dikasihi serta anaknya Yusof yang dikasihi." ⁵⁹

Malah melalui petikan tersebut pengarang juga cuba membangkitkan suasana yang begitu tragis apabila masyarakat kampung terpaksa berada di bawah cengkaman penjajah.

Berdasarkan petikan di bawah didapati pemerian dua latar tempat yang bertentangan dan peranan persekitaran atau keadaan akan membentuk suatu tindakan watak seperti yang digambarkan di dalam novel ini. Perlukisan latar yang ideal ini merupakan kiasan kegelisahan dan kerinduan Panglima Salleh terhadap anak dan isterinya. Justeru latar yang berselang-seli antara padi yang

⁵⁹ *Ibid*, hlm. 6

hijau subur, pohon pedada yang rendang dan hijau, melambai-lambai lembut, siulan burung-burung yang merdu dan menghiburkan menggambarkan betapa hebatnya nostalgia Panglima Salleh bersama keluarganya.

Manakala latar tempat seperti sungai, pelantar rumah dan sawah padi dapat merakamkan lagi keindahan suasana yang manis di samping untuk mencari kedamaian dan ketenangan dalam usaha melepaskan kerinduan ketika di perantauan. Justeru gambaran suasana yang sedemikian rupa ini boleh dikatakan sebagai simbol kehebatan kerinduan Panglima Salleh terhadap keluarga yang tercinta.

"Dalam saat-saat manis dan penuh nostalgia begini, dia segera teringatkan Esah. Wajah manis isterinya yang sering muncul dalam impian itu seperti sedang menjengahnya dari tingkap rumah di tepi sungai. Dia membayangkan dirinya sedang mengikat tali perahu di pelantar rumahnya yang didirikan di pinggir Sungai Batu Pahat. Pohon pedada rendang dan hijau di sekitarnya melambai-lambai lembut. Siulan burung-burung begitu merdu menghiburkan."⁶⁰

"Bagi Salleh, melihat suasana alam sambil menghirup udara dan menapak langkah demi langkah dengan bercerita hal-hal remeh temeh sudah memadai. Kerisauan berkurung di rumah dapat juga terubat Nostalgia terhadap anak isteri sirna juga buat beberapa ketika. Siang pula dia menanam padi di sekitar rumahnya. Padi tersebut subur menghijau separas betis menjadikan pemandangan di situ semakin menarik. Di sekitar rumah Ahmad juga begitu. Padihnya sama naik, menghijau sewarna hempedu."⁶¹

Oleh itu, dapat dibuat satu kesimpulan kecil bahawa rasa berahi yang dibangkitkan oleh pengarang ini bukanlah dikaitkan dengan perkara-perkara mempunyai unsur-unsur pornografi tetapi ia merupakan satu rasa yang lebih

⁶⁰ *Ibid*, hlm. 12

⁶¹ *Ibid*, hlm. 37

bersifat positif. Biasanya ia akan lahir di setiap hati dan sanubari seseorang insan yang mempunyai kekasih atau keluarga yang ingin ditemui setelah sekian lama terpisah di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Jadi rentetan dari perpisahan ini maka akan dengan sendirinya seseorang itu akan mengharapkan pertemuan bagi melepaskan rindu dan dendam yang kian membara di kalbu yang perlu dirungkaikan. Begitulah indah dan seksanya rasa berahi ini jika seseorang itu mengalaminya.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa rasa berahi sebagai ekspresi sastera telah berjaya diungkapkan dan diperkembangkan dengan begitu berkesan melalui teknik-teknik yang disampaikan oleh Zaharah Nawawi dalam ketiga-tiga buah novelnya iaitu *SBMB*, *SDAF* dan *PSSM*. Teknik-teknik seperti dialog, naratif, imbas kembali dan sebagainya merupakan sumber utama kepada pencapaian nikmat estetik, di samping dapat menimbulkan eksperasi estetik di kalangan pembaca.